



## PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK

---

### KRITERIA DAN SYARAT UMUM ANUGERAH AKADEMIK CEMERLANG (AAC) 2016 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

---

#### 1.0 SYARAT UMUM

- 1.1 Permohonan/pencalonan AAC dibuka hanya kepada ahli akademik UPNM.
- 1.2 Permohonan bagi semua kategori AAC terbuka kepada ahli akademik yang berkhidmat sepenuh masa, atau berjawatan hakiki di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai.
- 1.3 Calon hendaklah memenuhi kriteria asas berikut:
  - i. Merupakan Pegawai Akademik yang berkhidmat di UPNM.
  - ii. Mencapai skor minimum 4.3 mata dalam Penilaian Pengajaran untuk semester terakhir pengajaran.
  - iii. Memperoleh markah sekurang-kurangnya 85% dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini.
- 1.4 Sekiranya tiada pemohon yang layak bagi sesuatu kategori, maka anugerah bagi kategori tersebut tidak akan diberikan.
- 1.5 Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu, Jawatankuasa Induk AAC berhak untuk menarik balik anugerah yang telah diberikan.
- 1.6 Keputusan Jawatankuasa Induk AAC adalah muktamad.



## 2.0 Peraturan dan Tatacara Permohonan

- 2.1 Permohonan/pencalonan hendaklah menggunakan borang permohonan rasmi.
- 2.2 Permohonan/pencalonan hendaklah diperakukan oleh Dekan/Pengarah.
- 2.3 Setiap permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang berasingan. Bagi permohonan/pencalonan Dekan/Pengarah, perakuan hendaklah diberi oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- 2.4 Calon boleh dicadangkan/dinamakan oleh FPJB. Permohonan ini mesti disalurkan melalui Dekan/Pengarah. Permohonan yang tidak melalui FPJB tidak akan dipertimbangkan.
- 2.5 Pencalonan Tokoh Akademik Universiti akan disyorkan oleh Jawatankuasa Induk AAC.
- 2.6 Semua borang permohonan/pencalonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sah dan lengkap.
- 2.7 Ahli Jawatankuasa Penilaian Anugerah boleh memohon dalam kategori yang lain daripada kategori keahliannya.
- 2.8 Ahli Jawatankuasa Induk boleh memohon atau dicalonkan dalam mana-mana kategori AAC dengan syarat keahlian dalam Jawatankuasa Induk digugurkan.
- 2.9 Tarikh tutup permohonan/pencalonan ialah pada **13 Mac 2017 (Isnin)**. Semua permohonan perlu sampai sebelum atau pada jam 5.00 petang pada tarikh tutup. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
- 2.10 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

**Urus Setia Anugerah Akademik Cemerlang (AAC)  
Pusat Pembangunan Akademik  
Aras 2, Bangunan Canselori  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-90513400 sambungan 7622130/7621078**



### **3.0 SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN**

#### **3.1 ANUGERAH TOKOH AKADEMIK UNIVERSITI**

- i. Anugerah Tokoh Akademik Universiti ialah satu pengiktirafan kepada pensyarah UPNM yang telah menunjukkan ketokohan akademik. Ketokohan akademik mengambil kira semua sumbangan kumulatif anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat.
- ii. Anugerah ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Induk tertakluk kepada persetujuan Pengurusan Universiti.
- iii. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
  - a. Menerajui secara holistik bidang Pengajaran dan Pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.
  - b. Berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bagi sekurang-kurangnya enam tahun secara kumulatif dalam kerjaya akademik.
  - c. Pernah menerima anugerah atau pengiktirafan ketokohan daripada badan profesional/ilmiah yang berprestij di peringkat kebangsaan/antarabangsa.
  - d. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.
  - e. Menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui.



### **3.2 ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL**

- i. Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal ialah satu pengiktirafan kepada pensyarah yang menghasilkan makalah jurnal dari segi kualiti dan kuantiti.
- ii. Pemilihan calon bagi Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
  - a. Makalah jurnal mestilah diterbitkan pada tahun yang dinilai.
  - b. Makalah jurnal mestilah beralamatkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
  - c. Kualiti dan kuantiti makalah jurnal yang diterbitkan dari segi berwasit/berindeks dalam ISI atau *Thompson Reuters* atau SCOPUS mempunyai faktor impak.
  - d. Makalah jurnal mestilah karya asli penulis.

### **3.3 ANUGERAH PENERBITAN BUKU**

- i. Anugerah Penerbitan Buku adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah UPNM yang telah menghasilkan buku akademik dalam bidang masing-masing.
- ii. Pemilihan calon bagi Anugerah Penerbitan Buku adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
  - a. Calon telah menerbitkan buku pada tahun yang dinilai.
  - b. Calon perlu menyenaraikan jumlah buku yang telah diterbitkan.
  - c. Buku ini perlulah memperlihatkan impak ilmiah yang memberi kesan positif kepada komuniti ilmu atau masyarakat pada amnya.
  - d. Buku ini mestilah merupakan buku yang berkesinambungan daripada bab kepada bab dan bersifat integratif. Ia bukanlah koleksi kertas kerja, himpunan esei, tesis/disertasi (melainkan telah distrukturkan ke bentuk buku) atau laporan penyelidikan/perundingan.
  - e. Buku ini mestilah karya asli penulis.



- iii. Buku yang telah diserahkan bagi tujuan penilaian tidak akan dikembalikan.

### **3.4 ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

- i. Anugerah ini ialah satu pengiktirafan kepada pensyarah UPNM yang melaksanakan penyelidikan dan inovasi.
- ii. Pemilihan calon bagi Anugerah Penyelidikan dan Inovasi hendaklah mempunyai geran penyelidikan yang berdaftar di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UPNM.
- iii. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
  - a. Bilangan geran yang diperoleh.
  - b. Nilai keseluruhan geran yang diperoleh.
  - c. Jenis geran yang diperoleh daripada agensi kerajaan/ swasta/dalam negara/luar negara.
  - d. Menghasilkan produk inovasi dalam bentuk paten/ pendaftaran harta intelek/hak cipta untuk produk penyelidikan.
  - e. Memenangi anugerah dalam pameran/ekspo penyelidikan/ penerbitan terbaik/ penyelidikan terbaik/ tokoh penyelidik di peringkat universiti dalam negara atau luar negara.

### **3.5 ANUGERAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

- i. Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran ialah satu pengiktirafan kepada pensyarah UPNM dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran yang cemerlang dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.
- ii. Pemilihan calon bagi Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran adalah berdasarkan inovasi dan kreativiti pengajaran.
- iii. Pensyarah yang ingin memohon Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran ini perlu mempunyai Fail Pengajaran yang lengkap bagi kursus yang diajar pada tahun yang dinilai.



- iv. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
  - a. Fail Pengajaran yang lengkap merangkumi sekurang-kurangnya seperti surat lantikan mengajar / perancangan pengajaran / nota kuliah / kertas ujian / kertas peperiksaan akhir / tugas pelajar.
  - b. Inovasi dan kreativiti dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.
  - c. Keberkesanan pengajaran terhadap meningkatkan kualiti pengajaran.
  - d. Usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran berterusan.
  - e. Calon yang disenarai pendek akan dinilai semasa sesi pengajaran sebenar.

### **3.6 ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN**

- i. Calon hendaklah memenuhi kriteria asas berikut:
  - a. Merupakan ahli akademik yang berkhidmat di UPNM kurang daripada lima tahun.
  - b. Memperoleh markah sekurang-kurangnya 85% dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini (tiga tahun berturut-turut).
- ii. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
  - a. Berumur tidak melebihi 40 tahun semasa tahun penilaian.
  - b. Fail Pengajaran yang lengkap merangkumi sekurang-kurangnya surat lantikan mengajar/ perancangan pengajaran/ nota kuliah/ kertas ujian/ kertas peperiksaan akhir/ tugas pelajar.
  - c. Inovasi dan kreativiti dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.
  - d. Keberkesanan pengajaran terhadap meningkatkan kualiti pengajaran.



- e. Usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran berterusan.
- f. Calon yang disenarai pendek akan dinilai semasa sesi pengajaran sebenar.

